

**B**ERBICARA mengenai jalan raya, penduduk di pedalaman Sabah tidak dilupakan, itulah jaminan Kementerian Kerja Raya.

Keadaan jalan raya sentiasa menjadi isu hangat di situ, kata Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Dr Abdul Munit Kasmin.

“Jalinan jalan raya yang menghubungkan bandar utama dengan lokasi tarikan pelancong yang terbiar dan tidak diselenggara rapi seperti Lembangan Maliau melemapkan perancangan pembangunan bandar dan pinggir bandar di Sabah,” katanya.

Dr Abdul Munit menambah kementerianya sudah mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah ini, bermula dengan lawatan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Ir Mohd Zin Mohamed ke kawasan pedalaman Pensiangan yang letaknya berhampiran dengan sempadan Indonesia di Kalimantan pada 22-24 November tahun lalu.

Ekoran daripada taklimat pembangunan projek di Kota Kinabalu, Ir Mohd Zin menunjukkan minat dengan jalinan jalan raya di Sabah dengan mengadakan kunjungan demi kunjungan ke beberapa daerah di Pensiangan.

Menteri juga prihatin dengan keadaan di Nabawan yang dikatakan jalinan jalan raya kedua terburuk di negeri itu selepas Pitas.

Katanya, penduduk tempatan di situ amat memerlukan infrastruktur yang selesa.

# Enam jalan kerikil di Sabah dinaik taraf



## Kementerian Kerja Raya

“Menteri juga meluluskan untuk menaik taraf enam jalan kerikil kepada jalan raya berturap. Semua jalan raya ini menghubungkan sekolah dan klinik serta digunakan sebagai laluan pengangkutan pertanian untuk dibawa ke pasar,” kata Dr Abdul Munit.

Menyedari usaha menaik taraf jalan raya ini memerlukan reka bentuk yang teliti, Ir Mohd Zin meminta supaya perancangan masa depan projek dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

Di antara jalan raya yang dinaik taraf ialah:

- Jalan raya Kampung Menawo 5.5 kilometer (km);
- Skim Jalan Biah (5.5 km);
- Jalan Ansip Dalit (36.3 km);
- Jalan Sodomon Mailo (2 km);
- Jalan Biah M.4 Ring Road (5 km); dan
- Laluan perhubungan Jalan Sepulut-Salung-



**KERJA menaik taraf Jalan Telupid oleh JKR.**

Pegalungan-Pensiangan (75 km).

Ir Mohd Zin juga diberitahu mengenai laluan teruk di beberapa kampung lain seperti Kampung Pegalungan yang didiami kira-kira 6,000 penduduk itu.

Kampung itu boleh dihubungi dengan perjalanan bot selama 45 minit dari jeti Salung dan diikuti perjalanan dengan kenderaan pacuan empat roda menelusuri laluan balak selama tiga jam setengah.

“Perjalanan dengan bot juga bergantung dengan pasang surut air. Sewaktu musim kering, paras air sungai sangat rendah dan ini memaksa pen-

duduk kampung menolak bot dalam jarak yang jauh untuk menyampaikan ke kawasan air yang lebih dalam,” kata Dr Abdul Munit.

Beliau berkata, penduduk kampung begitu gembira apabila melihat Ir Mohd Zin turun sendiri ke kampung itu melihat keadaan mereka.

Pada sesi perjumpaan dengan penduduk kampung, Ir Mohd Zin mendengar semua luahan isu dan masalah yang mereka hadapi termasuklah penjagaan kesihatan yang tidak bagus.

Klinik yang paling hampir letaknya di Salung di mana terpaksa memakan masa

yang lama untuk mereka sampai ke sana, ditambah pula dengan kos pengangkutan yang mahal iaitu RM160 seorang apabila menaiki bot.

“Pilihan lain ialah menggunakan laluan mengangkut balak yang juga mengambil masa beberapa jam untuk sampai ke klinik. Ini dilihat sangat tidak praktikal terutama pada waktu kecemasan,” kata Dr Abdul Munit lagi.

Ir Mohd Zin kemudian dengan segera meluluskan peruntukan RM2 juta untuk membina jalan yang lebih baik yang menghubungkan Pegalungan dengan simpang Jalan Sapulut-Kalabakan.

Beliau juga menyediakan geran RM5,000 bagi kerja membaiki jeti Pegalungan yang destinasi utama perjalanannya dengan bot.

“Kedua-dua projek ini sudah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya,” tambah Dr Abdul Munit.

Pada satu lawatan ke pejabat daerah Sook, Ir Mohd Zin diberi taklimat mengenai ketiadaan jalan alternatif menghubungkan Kalabakan ke kawasan sekitarnya seperti Serudong, Kamabong dan Pinangah.

Menurutnya jalan alternatif ini sangat penting untuk merencanakan pelaburan dan ekonomi di Sabah yang berpotensi besar mewujudkan estet sawit. Minyak sawit menjadi penyumbang terbesar pendapatan Sabah.

Dr Abdul Munit berkata, kerja pembinaan jalan alternatif ini akan dilakukan oleh JKR sendiri. Jabatan itu sudah diarahkan oleh menteri untuk menggunakan RM15 juta bagi kerja membaiki jalan di KM42 Jalan Keningau-Kimanis yang terbabit dengan tanah runtuh.

Jalan raya itu menghubungkan Kota Kinabalu dengan Kinabalu dan beberapa kawasan pedalaman yang lain.

Ketika itu, laluan sementara dibina bagi membolehkan kenderaan kecil menggunakannya.